

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-**

- (a) berapakah kos yang telah dan akan dibelanjakan bagi Kempen Sayangi Sawitku dan sejauh manakah kejayaan dalam konteks membantu meningkatkan eksport sawit serta pertambahan hasil pendapatan peneroka dan pekebun kecil; dan
- (b) berapakah jumlah rundingan pasaran dalam dan luar negara yang telah dan akan diterokai sejak Jun 2018 hingga Jun 2019 yang memberi keuntungan dan mampu membela nasib peneroka dan pekebun kecil.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian telah melancarkan kempen Sayangi Sawitku yang telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Mac 2019 yang lalu. Kempen Sayangi Sawitku ini yang akan diadakan sepanjang tahun 2019 adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit dan juga cabaran yang dihadapi oleh komoditi sawit. Disamping itu, kempen ini juga adalah untuk menggalakkan rakyat Malaysia mempertahankan komoditi sawit dan menjadi jurucakap sawit melalui pendekatan dengan izin '*From Malaysia, we speak to the world*'.

Pelbagai aktiviti dan program di peringkat domestik dan antarabangsa telah dijalankan seperti publisiti video dan poster Kempen Sayangi Sawitku di KLIA, publisiti melalui *in-flight magazine* oleh MAS, Air Asia dan Malindo, program tanam semula pokok hutan dan konservasi Orang Utan dan Gajah Pygmy di Sabah, sesi taklimat dan pameran produk sawit di Parlimen, *Student Ambassador Programme*, pertandingan memasak menggunakan minyak sawit, sesi kunjungan dan penerangan kepada Menteri Kabinet dan Ketua Menteri yang berkaitan, pertandingan atas talian dan lain-lain. Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti Kempen Sayangi Sawitku yang telah dirangka, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta pada tahun ini.

Tuan Yang Dipertua,

Sebenarnya, masih terlalu awal untuk mengukur prestasi perlaksanaan kempen ini memandangkan ianya masih berjalan sehingga ke akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang menjalankan pemerhatian dan bincangan bagi mengukur keberkesanan kempen ini dalam membantu meningkatkan industri sawit negara. Didapati pada masa ini, lebih ramai rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat telah tampil untuk menyuarakan sokongan terhadap industri sawit negara termasuk pemimpin utama negara, tokoh korporat, personaliti media, ketua masyarakat, pelajar dan lain-lain. Manakala industri lain seperti penerbangan, pelancongan dan hiburan juga turut

bekerjasama menjayakan kempen ini melalui penajaan dan publisiti.

Selain itu, data eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara-negara luar telah menunjukkan peningkatan sebanyak 5.9% daripada 6.36 juta tan (Januari – Mac 2018) kepada 6.74 juta tan (Januari - Mac 2019). Dari segi harga pula, harga purata minyak sawit mentah bagi bulan Mac 2019 iaitu bulan pelancaran kempen adalah RM1,903.50 telah meningkat kepada RM1,946.50 pada bulan Mei 2019. Ini secara tidak langsung disebabkan peningkatan penerimaan dan kesedaran mengenai minyak sawit hasil daripada kempen yang dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan pasaran dalam dan luar negara yang telah diterokai sejak Jun 2018 hingga Jun 2019 adalah melalui *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP). Dalam tempoh tersebut, tujuh rundingan telah diadakan yang melibatkan Kementerian serta agensi-agensi berkaitan. Antara rundingan lain ialah satu rundingan ASEAN-China Review yang diadakan pada Mei 2018. Rundingan ini adalah bagi meningkatkan akses pasaran yang lebih baik bagi membolehkan produk barang sawit Malaysia dieksport ke pasaran yang lebih luas. Melalui kerjasama ini, produk minyak sawit Malaysia mendapat akses pasaran yang lebih baik melalui penghapusan atau penurunan duti import oleh negara rakan dagang terbabit berbanding negara yang tidak mempunyai kerjasama *Free Trade Agreement* (FTA).

Sekian, terima kasih.